



6 November 2015  
6 November 2015  
P.U. (A) 265

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

PERINTAH MALAYSIAN AIRLINE SYSTEM BERHAD  
(PENTADBIRAN) (TARIKH PELETAKHAKAN) 2015

*MALAYSIAN AIRLINE SYSTEM BERHAD  
(ADMINISTRATION) (VESTING DATE) ORDER 2015*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MALAYSIAN AIRLINE SYSTEM BERHAD (PENTADBIRAN) 2015

PERINTAH MALAYSIAN AIRLINE SYSTEM BERHAD (PENTADBIRAN)  
(TARIKH PELETAKHAKAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 29(1) Akta Malaysian Airline System Berhad (Pentadbiran) 2015 [*Akta 765*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Malaysian Airline System Berhad (Pentadbiran) (Tarikh Peletakhakan) 2015**.

**Tarikh peletakhakan**

2. Menteri menetapkan 1 September 2015 sebagai tarikh peletakhakan bagi maksud seksyen 29 Akta dan pada dan dari tarikh itu segala hak, hakmilik dan kepentingan pada masa sekarang dan hadapan, dan obligasi berkenaan dengan harta itu, dan tanggungan—

(a) Malaysian Airline System Berhad sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama; dan

(b) MASkargo Sdn. Bhd. sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua,

hendaklah dipindahkan dan diletak hak pada Malaysia Airlines Berhad, bebas daripada apa-apa bebanan kecuali apa-apa kepentingan berdaftar yang ada pada tarikh peletakhakan, tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan.

## JADUAL PERTAMA

[Perenggan 2(a)]

1. Senarai Tanah dan Bangunan seperti yang berikut:

Tanah

Selangor

| <i>Bil.</i> | <i>Daerah</i> | <i>Mukim</i> | <i>No. Lot</i> | <i>No. Hakmilik</i> | <i>Keluasan Tanah<br/>(Hektar/Ekar/Meter<br/>Persegi)</i> | <i>Kegunaan Tanah</i> |
|-------------|---------------|--------------|----------------|---------------------|-----------------------------------------------------------|-----------------------|
| 1.          | Petaling      | Sungai Buloh | P.T. 44562     | HS (D) 182801       | 44404 Meter Persegi                                       | Perindustrian         |

Bangunan

Selangor

| <i>Bil.</i> | <i>Perihal Bangunan</i>                                                                                                                              | <i>Alamat</i>                                                             |
|-------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------|
| 1.          | Tiga puluh tiga (33) bangunan pejabat dan bengkel dan satu (1) jambatan pejalan kaki yang membentuk Kompleks Pejabat Malaysian Airline System Berhad | Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, 47200 Subang, Selangor, Malaysia |
| 2.          | Hangar 6                                                                                                                                             | Kompleks MAS KLIA, Sepang, Selangor                                       |

## Penang

| <i>Bil.</i> | <i>Perihal Bangunan</i>  | <i>Alamat</i>                                                               |
|-------------|--------------------------|-----------------------------------------------------------------------------|
| 1.          | Gudang kargo             | Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang |
| 2.          | Empat (4) bangunan kargo | Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang |
| 3.          | Bangunan kastam          | Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang |
| 4.          | Bangunan catering        | Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang |
| 5.          | Bangunan kejuruteraan    | Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang |

## Sabah

| <i>Bil.</i> | <i>Perihal Bangunan</i> | <i>Alamat</i>                                                           |
|-------------|-------------------------|-------------------------------------------------------------------------|
| 1.          | Hangar dan gudang kargo | Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, 88100 Kota Kinabalu, Sabah |
| 2.          | Bangunan pentadbiran    | Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, 88100 Kota Kinabalu, Sabah |

|    |                                 |                                                                  |
|----|---------------------------------|------------------------------------------------------------------|
| 3. | Bangunan kargo dan kejuruteraan | Lapangan Terbang Tawau, 91000 Tawau, Sabah                       |
| 4. | Bangunan kargo                  | Lapangan Terbang Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan, 87000 Sabah |
| 5. | Bangunan kargo                  | Lapangan Terbang Sandakan, 90000 Sandakan, Sabah                 |

## Kedah

| <i>Bil.</i> | <i>Perihal Bangunan</i> | <i>Alamat</i>                                                           |
|-------------|-------------------------|-------------------------------------------------------------------------|
| 1.          | Stor kargo              | Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, 07100 Padang Matsirat, Langkawi |

## Sarawak

| <i>Bil.</i> | <i>Perihal Bangunan</i>            | <i>Alamat</i>                                                 |
|-------------|------------------------------------|---------------------------------------------------------------|
| 1.          | Bangunan kejuruteraan dan katering | Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, 93250 Kuching, Sarawak |
| 2.          | Bangunan kejuruteraan dan katering | Lapangan Terbang Miri, 98000 Miri, Sarawak                    |